

Anda dinasihatkan untuk hadir di Kaunter Jabatan Pengimejan Bio-Perubatan **45 minit lebih awal dari masa janji temu** yang diberi bagi tujuan pendaftaran dan persediaan prosedur

- Sekiranya anda datang lewat daripada masa janji temu anda, pemeriksaan anda berkemungkinan akan dijadualkan ke tarikh yang lain.
- Pastikan anda hadir awal untuk mengelakkan masalah kesesakan lalu lintas , tempat letak kereta dan lain-lain.
- Sila bawa kad pengenalan/ pasport untuk tujuan pengesahan.
- Sila bawa slip janji temu dan sebarang imej pemeriksaan dari hospital lain pada hari janji temu anda (sekiranya ada). Contoh: Filem Sinar-X, CT Scan, Ultrasound dan sebagainya.

Jika anda tidak dapat menghadiri janji temu ini, sila hubungi :

Tel: 03-79496688 (Kaunter Janji temu Fluoroskopi)

- Sila maklumkan kami 2 minggu lebih awal atau secepat yang mungkin sekiranya anda tidak dapat menghadiri janji temu ini.
- Anda akan dihubungi sekiranya terdapat sebarang perubahan pada tarikh janji temu yang telah diberi.
- Sekiranya terdapat pertukaran pada nombor telefon anda, sila hubungi nombor telefon di atas untuk makluman kami.
- Sila simpan nombor telefon di atas dalam telefon bimbit anda supaya anda dapat mengenalpasti sebarang panggilan daripada pihak hospital berhubung janji temu anda.

JABATAN PENGIMEJAN BIO-PERUBATAN

PPUM

JANJI TEMU & MAKLUMAT PEMERIKSAAN

FLUOROSKOPI

(BARIUM ENEMA)

BAHAGIAN PEMERIKSAAN:

NAMA:

NOMBOR PENDAFTARAN:

TARIKH JANJI TEMU:

MASA JANJI TEMU:**PAGI/PETANG**

CAJ PROSEDUR: RM.....**DEPOSIT:** RM.....

CAJ ALATAN (Kaunter PharmUMMC) : RM

NAMA ALATAN PERUBATAN :

ALAHAN/ ASMA: TIDAK/ YA

TARIKH HAID TERAKHIR:

JANJI TEMU DIBERI OLEH:

TARIKH :

Peringatan : Sila baca semua maklumat dalam risalah ini dengan teliti

PEMERIKSAAN FLUOROSKOPI BARIUM ENEMA

1. Apakah itu pemeriksaan Barium Enema?

Prosedur pengimejan bagi saluran Gastrointestinal.

2. Bagaimanakah pemeriksaan ini dilakukan?

Barium /agen kontras akan diberikan melalui dubur.

3. Adakah terdapat sebarang risiko semasa prosedur

Risiko melibatkan prosedur ini adalah seperti berikut:

- Kemungkinan terjadinya sembelit.

4. Persediaan pesakit?

- Sekiranya anda mempunyai alahan kepada ubat-ubatan, makanan laut, atau mempunyai sejarah asma, sila maklumkan kepada staf janji temu.
- Sekiranya anda mempunyai preskripsi steroid (Prednisolone), anda dikehendaki mengambil dos seperti yang telah ditetapkan.
- Pemeriksaan bagi pesakit wanita yang berada di dalam kategori umur yang berkemungkinan untuk mengandung, akan dijalankan selepas 10 hari dari tarikh pertama haid melainkan anda telah '*menopause*' atau mengambil pil pencegah kehamilan.
- Ikut pelan diet serat rendah yang diberikan.
- Sila minum air yang banyak selepas menjalani prosedur ini.

Penyediaan diet pesakit sebelum prosedur Barium Enema (Contoh Diet Serat Rendah)

Hari/tarikh	Masa	Arahan
3 hari sebelum pemeriksaan	8 malam	Makan 2 tablet Dulcolax seperti yang diarahkan
2 hari sebelum pemeriksaan	Sarapan	Roti kosong bersama teh atau kopi (tanpa susu)
	Makan tengah hari	Bubur nasi bersama ikan atau daging cincang
	Selepas makan malam	Makan 2 tablet Dulcolax seperti yang diarahkan
Sehari sebelum pemeriksaan	Sarapan	Roti kosong bersama teh atau kopi (tanpa susu)
	Makan tengah hari	Bubur nasi bersama ikan atau daging cincang
	6-7 malam	Bancuh paket pertama Fortrans ke dalam 1 liter air kosong dan minum
	7-8 malam	Bancuh paket kedua Fortrans ke dalam 1 liter air kosong dan minum

Penting:

- Anda hanya boleh minum air kosong sahaja selepas makanan terakhir pada hari sebelum pemeriksaan.
- Sila pastikan tiada pengambilan sayur-sayuran, buah-buahan atau produk tenusu 3 hari sebelum pemeriksaan anda.